



## PRINSIP INSURANS

### 1. KEPENTINGAN BOLEH DIINSURANSKAN

Anda mesti mempunyai kepentingan boleh diinsuranskan ke atas hartanah, barangan atau hayat sebelum membeli sesebuah polisi insurans.

Berikut adalah syarat-syarat untuk Kepentingan Boleh Diinsuranskan

- Mestilah mempunyai hubungan yang diiktiraf dari segi undang-undang terhadap perkara yang diinsuranskan
- Anda akan mengalami kerugian jika berlaku kehilangan/kerosakan ke atas perkara yang diinsuranskan yang timbul daripada sebuah kejadian atau insiden dan mendapat manfaat daripada kesejahteraan perkara yang diinsuranskan.
- Untuk Insurans Hartanah dan Kemalangan, kepentingan boleh diinsuranskan kedua-duanya mesti wujud di kala insurans tersebut dibeli dan ketika kerugian berlaku.

Jika anda tidak mempunyai kepentingan boleh diinsuranskan, kami berhak membatalkan polisi tersebut.

### 2. SEDAYA UPAYA DENGAN JUJUR

Anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan kesemua fakta material berkaitan perkara yang diinsuranskan kepada kami.

Fakta material adalah maklumat yang akan mempengaruhi pertimbangan kami di dalam menolak risiko atau menerimanya dengan mengenakan premium, terma dan syarat-syarat tambahan.

Fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui secara memadai mestilah didedahkan kepada kami.

Jika anda kurang pasti sama ada maklumat tersebut adalah material, dedahkan kesemua maklumat tersebut kepada kami untuk kami putuskan sama ada ianya material atau tidak.

Kami berhak untuk menolak sebarang tuntutan yang timbul berikutan kegagalan anda mendedahkan fakta material.

### 3. GANTIRUGI\*

Pampasan kewangan untuk dikedah, dengan sebaik mungkin agar anda berada pada kedudukan yang serupa sejurus sebelum kerugian yang menimpa.

Syarat-syarat sesebuah gantirugi menghalang anda daripada memperoleh keuntungan daripada kerugian insurans.

Kami mungkin memilih untuk memberikan anda gantirugi melalui kaedah-kaedah berikut:

- tunai
- pembaikan
- gantian
- kembali ke keadaan asal

### 4. SUMBANGAN\*

Syarat-syarat sesebuah gantirugi menghalang pihak yang diinsuranskan daripada membuat tuntutan lebih daripada jumlah sebenar kerugian. Jika anda mempunyai lebih daripada satu polisi yang melindungi risiko yang sama ke atas bencana yang sama (insurans berganda), anda tidak dibenarkan untuk menuntut kerugian penuh di atas setiap polisi.

Walaupun bagaimanapun, anda boleh menuntut jumlah penuh daripada satu penginsurans dan penginsurans tersebut diberi hak untuk menghubungi setiap penginsurans yang terlibat untuk menyumbang kepadanya.

*\*Tidak Digunapakai kepada Polisi-polisi Kemalangan Peribadi*